

30 Mac 2012

Thailand bantu perangi dadah

BANGKOK 29 Mac - Thailand berjanji untuk membantu rantau Asia Tenggara dan kesemua negara anggota ASEAN menjadi zon bebas dadah, lapor agensi berita Vietnam, hari ini.

Menteri Hal Ehwal Luar Thailand yang juga Ketua Pengarah Jabatan ASEAN, Arthayudh Srisamoot berkata, negara ini mempunyai rancangan untuk memperkuatkan tekad pembasmian dadah dan menggalakkan negara di rantau ini menjadikan isu ini sebagai agenda kebangsaan.

"Sehubungan itu, pemimpin-pemimpin ASEAN akan mengadakan beberapa mesyuarat dengan wakil daripada pelbagai Parlimen, sektor awam dan kumpulan belia untuk membincangkan masa depan ASEAN serta sumbangan mereka untuk membantu blok ini mencapai matlamat itu," katanya.

Beliau berkata demikian menjelang Sidang Kemuncak ASEAN ke-20 pada 3 dan 4 April ini di Phnom Penh, Kemboja.